

24 JANUARI 2018

Dua diberkas proses heroin di pangsapuri

Dua diberkas proses heroin di pangsapuri

GEORGE TOWN – Polis memberkas dua lelaki yang disyaki memproses heroin seberat 4.3 kilogram (kg) dalam serbuan di Pangsapuri Desa Iswara, Relau di sini Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Anuar Omar berkata, suspek diberkas pada pukul 9 malam.

Katanya, polis turut merampas bancuhan menghasilkan heroin seberat 383 gram (g) dan serbuk kafein seberat 35.5kg.

"Polis turut merampas pelbagai peralatan memasak dan cecair kimia untuk menghasilkan dadah," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambahnya, polis turut menyita dua buah kereta iaitu Proton Satria dan Honda Civic serta wang sebanyak RM11,000. Jumlah keseluruhan rampasan bernilai RM158,000.